

# HYOSUN SYRUP

Hyoscine N- Butylbromide (5mg / 5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Hyosun Syrup
2. Bagaimana Hyosun Syrup berfungsi
3. Sebelum menggunakan Hyosun Syrup
4. Cara menggunakan Hyosun Syrup
5. Semasa menggunakan Hyosun Syrup
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Hyosun Syrup
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Hyosun Syrup

Hyosun Syrup digunakan untuk melegakan kekejangan dan peningkatan pergerakan perut dan usus, pundi hempedu dan pundi kencing. Ia juga digunakan untuk mengendurkan bahagian bawah uterus dan melegakan sakit haid.

## Bagaimana Hyosun Syrup berfungsi

Bahan aktif dalam ubat ini adalah Hyoscine. Kesan hyoscine pada jantung adalah untuk mengubah kadar degupan jantung. Dengan dos yang rendah, kadar degupan jantung berkurang sementara dan meningkat dengan dos yang lebih tinggi. Ia juga mengurangkan pergerakan dan tonus saluran gastrousus dan boleh mengurangkan jumlah pelbagai rembesan itu.

## Sebelum menggunakan Hyosun Syrup

### - Bila tidak boleh mengambil

Jangan gunakan Hyosun Syrup jika anda:

- hipersensitif kepada hyoscine atau mana-mana bahan kandungan lain yang disenaraikan di akhir risalah ini.
- mempunyai masalah peningkatan tekanan dalam mata, masalah pada esofagus (saluran makanan), pembesaran prostat atau halangan pada leher pundi kencing.
- mempunyai kelemahan otot.

### - Sebelum menggunakan Hyosun Syrup

Anda perlu menyemak dengan doktor anda jika anda: -

- mempunyai halangan saluran keluar gastrik
- adalah warga tua
- mempunyai masalah metabolismik, buah pinggang atau hati
- mengandung, merancang untuk mengandung, menyusukan anak atau bercadang untuk menyusu.

### - Jika menggunakan ubat- ubat lain

Terdapat beberapa ubatan yang boleh berinteraksi dengan Hyosun Syrup. Adalah penting untuk memberitahu doktor atau ahli farmasi anda mengenai semua ubat-ubatan yang anda ambil, termasuk yang diperolehi tanpa preskripsi doktor. Anda perlu berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil seperti berikut: -

- Tricyclic anti-depressants, untuk rawatan kemurungan
- Antihistamines, rawatan untuk pelbagai simptom alahan
- Quinidine, Disopyramide ubat untuk merawat denyutan jantung yang tidak teratur
- Amantadine, untuk merawat jangkitan selsema tertentu
- Beta-adrenergic agents
- Dopamine antagonist, ubat seperti Metoclopramide untuk mencegah loya dan muntah.

## Cara menggunakan Hyosun Syrup

### - Berapa banyak harus digunakan

Anda perlu mengambil Hyosun Syrup tepat seperti yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi. Jumlah yang anda ambil setiap hari bergantung kepada keadaan anda. Jangan mengambil lebih atau kurang daripada apa yang doktor anda tetapkan. Dewasa: 10 ml hingga 20 ml, 3-4 kali sehari.

Kanak-kanak (6-12 tahun): 10ml tiga kali sehari.

### - Bila perlu digunakan

Dos perlu diambil setengah jam sebelum makan.

### - Berapa lama perlu digunakan

Ia adalah penting untuk mengambil selagi doktor anda arahkan.

### - Jika terlupa menggunakan

Jangan gandakan dos anda untuk mengantikan dos yang terlepas. Ambil dos seperti biasa bila tiba waktu untuk dos seterusnya.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda terambil terlalu banyak ubat, hubungi doktor anda dengan segera atau mendapatkan rawatan perubatan.

Pengambilan terlalu banyak sirap boleh meningkatkan tanda-tanda dan gejala-gejala seperti gangguan ingatan, pening,

kegelisan, halusinasi atau kekeliruan mungkin berlaku.

## Semasa menggunakan Hyosun Syrup

### - Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda seperti doktor anda telah memberitahu anda.
- Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil Hyosun Syrup.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda mengandung semasa mengambil ubat ini.

### - Perkara yang tidak dilakukan

- Jangan berhenti mengambil ubat kecuali dinasihatkan oleh doktor anda.
- Jangan mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor anda.
- Jangan berikan Hyosun Syrup kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan seperti anda.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati apabila melakukan aktiviti yang memerlukan kecerdasan mental seperti memandu kereta atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana ubat ini memberi kesan kepada anda.

## Kesan-kesan Sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Hyosun Syrup boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mengalaminya. Kesan-kesan sampingan hyoscine butylbromide termasuk kekeringan mulut dengan kesukaran untuk menelan, pembesaran anak mata, tidak boleh fokus dan sensitif pada cahaya, tekanan mata yang meningkat, memerah, kekeringan kulit dan pengurangan kadar degupan jantung sementara diikuti dengan dengan peningkatan degupan jantung tidak teratur dan perasaan hati berdebar-debar.

Keinginan untuk membuang air kecil dengan ketidakupayaan untuk melakukannya, dan juga pengurangan tona dan pergerakan saluran perut dan usus yang boleh menyebabkan sembelit, kadang-kala muntah, pening dan mengejutkan secara tiba-tiba mungkin berlaku.

Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin juga boleh berlaku pada se-setengah orang. Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi jika anda mengalami simptom-simptom lain semasa mengambil ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Ke-bangsaan melalui No.Tel : 03 78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my)  
(Consumers→ Reporting).

#### Pemegang Pendaftaran Produk

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd. No. 9,11 & 17, Jalan Kempas 4, Taman Perindustrian Tampoi Indah, 81200 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

#### Tarikh Kemaskini RiMUP

11/03/2016

#### Nombor Siri

BPK(R4/1)261115/00461

### Cara penyimpanan dan Hyosun Syrup

#### - Penyimpanan

Simpan pada atau di bawah suhu 25°C.  
Lindungi daripada cahaya.

#### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

### Maklumat Lanjut

#### - Rupa dan Warna Produk

Sirap jernih berwarna merah dan berperisa ceri

#### - Bahan-bahan Kandungan

- Bahan aktif

Setiap 5ml mengandungi 5mg Hyoscine butylbromide

- Bahan tidak aktif

- Cherry Red Flavour HC2100
- Raspberry Red 09679
- Syrup Simplex
- Citric acid
- Saccharin
- Sodium Benzoate

#### - Nombor MAL

MAL19910027AZ

### Pengilang

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd. No. 9,11 & 17, Jalan Kempas 4, Taman Perindustrian Tampoi Indah, 81200 Johor Bahru, Johor, Malaysia.